

# **Syarat Dan Garis Panduan Bagi Penganjuran Acara, Majlis Dan Penggambaran Filem Di Dataran Putra**

## **A. SYARAT-SYARAT AM**

1. Penggunaan Dataran Putra adalah tertakluk kepada pematuhan Undang-undang Kecil Taman (Perbadanan Putrajaya) 1999. Pelanggaran UUK ini jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan penalti sehingga RM2,000.00 atau penjara 1 tahun.

2. Hanya aktiviti dan acara tanpa unsur-unsur berikut akan dibenarkan, iaitu:

- i. Tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa kerajaan.
- ii. Tidak bercanggah dengan nilai-nilai agama dan moral.
- iii. Tidak mendatangkan kacau ganggu.
- iv. Tidak mendatangkan huru-hara.
- v. Tidak mendatangkan kerosakan kepada keadaan, peralatan dan kemudahan yang tersedia di Dataran.
- vi. Tidak mencemar maruah dan imej Masjid Putra.
- vii. Tidak mendatangkan pengotoran dan pencemaran.
- viii. Tidak mengancam ketenteraman awam dan perpaduan.

3. Kegunaan utama Dataran Putra adalah untuk upacara rasmi Kerajaan seperti sambutan hari-hari tertentu, majlis pelancaran, majlis perasmian, majlis perhimpunan, majlis penganjuran, majlis istiadat, majlis jamuan, dan majlis perisytiharan. Selain itu, aktiviti-aktiviti dukungan Kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa dalam acara-acara berikut boleh juga dipertimbangkan:

- i. Acara sukan dan rekreasi yang sesuai.
- ii. Acara komuniti atau kemasyarakatan.
- iii. Acara kebudayaan dan kesenian.
- iv. Pesta, karnival, ekspo, dan pameran.
- v. Penggambaran filem, drama, dokumentari dan iklan.

4. Semua jenis penggunaan di Dataran Putra hendaklah mendapat kebenaran daripada Perbadanan Putrajaya terlebih dahulu. Permohonan penggunaan hendaklah dibuat secara bertulis atau dengan mengisi BORANG PERMOHONAN PENGGUNAAN DATARAN PUTRA, dan mengemukakan kepada:

Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Bandar

Perbadanan Putrajaya

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62675 Putrajaya. No. fax: 03-88894188

Borang permohonan boleh diperolehi sama ada daripada pejabat Perbadanan atau klik di sini

**Borang Permohonan**

5. Permohonan penggunaan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Bandar sekurang-kurangnya satu minggu (7 hari) sebelum sesuatu acara hendak diadakan.

Permohonan dalam tempoh yang lebih singkat boleh juga dipertimbangkan tertakluk kepada keadaan, dan jenis acara berkenaan.

6. Pihak Perbadanan tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi sebarang insiden termasuklah kehilangan/kerosakan harta benda pihak penganjur, kecederaan, dan kehilangan nyawa, baik di pihak penganjur mahupun orang awam. Langkah keselamatan dan perlindungan sewajarnya termasuk perlindungan insuran terhadap orang awam adalah menjadi tanggungjawab pihak penganjur menyediakannya.

7. Penganjur bertanggungjawab menjaga kebersihan kawasan, baik semasa persiapan tapak, semasa acara berjalan, dan semasa pengemasan selepas selesai acara.

8. Bilangan tong sampah tambahan yang mencukupi hendaklah disediakan selari dengan jangkaan penyertaan atau pengunjung. Bagi maksud ini, penganjur disarankan menggunakan khidmat Alam Flora Sdn. Bhd. untuk menyediakan tong sampah 'littering' dan tong sampah berpusat.

9. Bilangan tandas bergerak yang mencukupi hendaklah disediakan selari dengan jangkaan

penyertaan atau pengunjung.

10. Pemindahan dan perubahan pada kedudukan dan rupa bentuk harta benda, pokok-pokok dan peralatan yang sedia ada di Dataran adalah tertakluk kepada kebenaran pihak Perbadanan Putrajaya terlebih dahulu.

11. Penggunaan air dan elektrik daripada punca di Dataran adalah tertakluk kepada kebenaran pihak Perbadanan Putrajaya terlebih dahulu. Bagi penggunaan utiliti ini, baik daripada sumber sendiri atau daripada punca di Dataran, pihak penganjur hendaklah mengemukakan lakaran terperinci dari segi laluan kabel, laluan paip, serta posisi setiap peralatan yang berkaitan. Penganjur juga hendaklah memaklumkan dari segi jenis-jenis peralatan yang akan dipasang, beban tenaga, dan kuantiti air yang dijangka digunakan sepanjang tempoh tempahan.

12. Sebarang penggunaan peralatan elektrik termasuk janakuasa perlu diperiksa dan disahkan terlebih dahulu oleh juruelektrik yang kompeten untuk tujuan keselamatan. Semua kabel elektrik perlu dipasang dengan selamat di dalam konduit dan tidak terdedah.

13. Sebarang peralatan yang digunakan hendaklah sesuai dan tidak mendatangkan kerosakan/kekotoran pada permukaan Dataran, perabot serta peralatan yang terdapat di Dataran.

14. Tahap bunyian melalui sistem pembesar suara hendaklah berpatutan agar tidak mendatangkan gangguan kepada ketenteraman penghuni sekeliling, khususnya pada sebelah siang hari bekerja. Pembesar suara juga adalah dilarang daripada dihalakan ke arah Masjid Putra.

15. Sistem siaraya hendaklah diberhentikan sekurang-kurangnya lima (5) minit sebelum masuk mana-mana waktu sembahyang, dan hanya boleh digunakan semula selepas jemaah Masjid Putra selesai bersembahyang.

16. Pemasangan muzik dan lagu-lagu lucu adalah dilarang untuk diperdengarkan melalui pembesar suara.

17. Susun atur peralatan hendaklah tidak mendatangkan gangguan kepada lalu lintas.

18. Bilangan kenderaan yang akan dibenarkan masuk ke kawasan Dataran adalah bergantung kepada keperluan. Semua kenderaan hendaklah diletak di tempat yang dikhaskan, dan tidak dibenarkan menaiki kawasan Chahar Bagh dan kawasan tengah Dataran Putra.
19. Sesuatu penggunaan itu hendaklah tidak melampaui masa yang dibenarkan seperti dalam surat kelulusan.
20. Pihak Perbadanan Putrajaya perlu dimaklumkan lebih awal jika ada pembatalan atau sebarang pindaan dari segi tarikh, masa dan susunan acara yang akan diadakan.
21. Pihak Perbadanan berhak untuk membuat pindaan terhadap syarat dan garis panduan ini dari semasa ke semasa.
22. Perbadanan Putrajaya juga berhak menarik balik kebenaran yang diluluskan tanpa memberi alasan atau amaran terlebih dahulu. Perbadanan Putrajaya tidak akan bertanggungjawab menanggung kos / kerugian yang dialami oleh mana-mana pihak akibat penarikan balik kebenaran tersebut.

## **B. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN UNTUK PENGGAMBARAN FILEM**

1. Skrip dan jalan cerita hendaklah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh agensi kerajaan seperti Finas, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (MOCAT), Lembaga Penapisan Filem Malaysia (LPFM), dan lain-lain agensi atau badan Kerajaan yang berkenaan.
2. Pihak penerbit bertanggungjawab memastikan tidak timbulnya sebarang kontroversi berkaitan penggambaran, adegan, dan lakonan yang berkaitan dengannya demi memelihara imej Perbadanan Putrajaya khasnya, dan Malaysia amnya.
3. Penggambaran hendaklah dijalankan di tempat yang dibenarkan sahaja.
4. Surat kebenaran perlu ditunjukkan kepada pegawai di Dataran sebelum memulakan penggambaran. Surat tersebut juga hendaklah ditunjukkan kepada anggota penguatkuasa Perbadanan Putrajaya dan pihak polis jika diminta untuk tujuan pemeriksaan.

5. Pihak penerbit bertanggungjawab memastikan bahawa gambar yang diambil tidak akan dipaparkan dalam bentuk yang boleh membawa imej negatif kepada lokasi tersebut khususnya, dan Putrajaya amnya.

[Muat turun Borang Permohonan Penggambaran](#)